

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 12 May, 2020 1:11 PM
To: norazlinaabdjil@gmail.com
Subject: Fw: Perutusan Khas Naib Canselor Sempena Menyambut Ramadan Al-Mubarak 1441H
Attachments: UUMComm. ed. - Perutusan Khas Naib Canselor sempena Menyambut Ramadan 1441H.pdf

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 23 April 2020 23:53
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Sk: Staf - Pesara UUM
Subjek: Perutusan Khas Naib Canselor Sempena Menyambut Ramadan Al-Mubarak 1441H



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 APRIL 2020 / 29 SYAABAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE:



**PERUTUSAN KHAS NAIB CANSELOR
SEMPENA
MENYAMBUT RAMADAN AL-MUBARAK 1441H**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya ucapkan kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia yang dikasihi sekalian.

Marilah kita bersama-sama mengucapkan "Alhamdulillah" kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana masih diberi peluang untuk melaksanakan ibadah yang menjadi kewajiban kepada umat Islam setiap tahun walaupun dalam suasana yang amat berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sesungguhnya Ramadan pada tahun 1441H ini membawa sejarah tersendiri kepada umat Islam seluruh dunia kerana terpaksa melalui dalam keadaan dunia masih perlu berhadapan dengan wabak COVID-19 yang belum terlintas penghujungnya. Kesan daripada pandemik ini membuatkan manusia sejagat perlu merubah cara hidup daripada aturan yang menjadi kebiasaan selama bertahun-tahun kepada kebiasaan baharu atau "new normal" yang tidak pernah terlintas di fikiran.

Saya memahami bahawa sambutan Ramadan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sememangnya banyak membawa perubahan dalam kehidupan kita semua. Namun, saya yakin bahawa selepas ini kehidupan kita pasti menjadi lebih baik khususnya dalam hubungan kita sesama keluarga. Yakinih bahawa Allah tidak akan menjadikan sesuatu itu sia-sia melainkan membawa hikmah yang tidak dapat kita bayangkan. Saya berharap seluruh warga Universiti tabah dengan ujian yang diberi-Nya pada tahun ini bagi meningkatkan keimanan dan ketaqwaan dengan pelbagai ganjaran pahala yang berlipat-kali ganda.

Berpuasa merupakan satu ibadah yang mempunyai pelbagai rahsia dan hikmah yang besar dalam mendidik nafsu manusia. Ia juga merupakan jihad untuk mengembalikan fitrah manusia dalam mempertingkatkan sifat keharmonian kepada-Nya. Oleh itu, Ramadan ialah bulan yang menjanjikan hidayah dan ganjaran besar buat sesiapa yang menuburnya. Perkara paling penting dalam menyambut Ramadan ialah taqwa kerana itulah matlamat daripada ibadah puasa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa." (al-Baqarah:183)

Ibadah puasa yang dilakukan dengan penuh kesempurnaan sudah pasti mampu mengawal segala kemaksiatan dunia dan dapat mendidik jiwa menjadi lebih tenang dan seterusnya membentuk diri menjadi seorang hamba yang bertaqwa kepada Allah SWT.

Pada bulan yang mulia ini, kita digalakkan untuk banyak bersedekah bagi mengejar ganjaran pahala yang besar. Amalan ini dapat meningkatkan semangat prihatin dan nilai saling bantu-membantu dalam kalangan umat Islam. Oleh yang demikian, mengambil keberkatan bulan Ramadan ini, saya menyeru kepada seluruh warga Universiti agar dapat menghulur sedikit sumbangan ke Tabung Sumbangan UUM COVID-19: **"TABUNG SUMBANGAN UUM COVID-19, BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (02-693-01-000001-0)"**.

Segala sumbangan ini akan digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan termasuk para pelajar, kakitangan universiti, barisan hadapan dan juga Alumni. Sesungguhnya sedekah dan sumbangan ikhlas kita pasti akan mendapat balasan setimpal daripada Allah SWT kelak sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesukahan daripada kesukahan-kesukahan dunia, Allah SWT akan meringankan daripadanya satu kesukahan daripada kesukahan di Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (surat atau keabai) seorang muslim, Allah akan menutup (surat atau keabai) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya. (Riwayat Muslim)

Sekiranya kita mengamalkan sikap tolong-menolong, maka sudah pasti Allah SWT akan memberikan pertolongan kepada kita khususnya dalam kehidupan kita yang sedang menghadapi cabaran ini.

Akhir kata, marilah, kita bersama-sama memanfaatkan sepenuhnya fadilat yang ada di bulan ini agar lanya dijadikan amalan berterusan. Semoga segala amalan dan usaha kita akan diterima dan dikurniakan ganjaran sewajarnya daripada Allah SWT. Saya mendoakan agar kita semua diberi kekuatan, hidayah dan inayah-Nya untuk meningkatkan ilmu, amal dan taqwa di bulan Ramadan ini.

Sekian dan Selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak.

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI
Naib Canselor



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.